

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN 1 MENULIS SURAT MALAYSIA

“Bayangkan anda seorang pejuang kemerdekaan Malaysia.

Tulis sepucuk surat yang menceritakan pengalaman dan harapan anda kepada rakyat Malaysia”.



1. MAKLUMAT PERTANDINGAN

- a) Pertandingan ini dibuka dari 1 Mei 2011 hingga 30 Jun 2011.
- b) Penyertaan hanya dibenarkan dalam Bahasa Malaysia sahaja.
- c) Setiap penyertaan mestilah menepati tajuk yang diberikan iaitu:
“Bayangkan anda seorang pejuang kemerdekaan Malaysia. Tulis sepucuk surat yang menceritakan pengalaman dan harapan anda kepada rakyat Malaysia.”
- d) Surat yang ditulis mesti mengandungi jumlah perkataan seperti berikut:
 - i) antara 300 hingga 500 patah perkataan untuk Kategori A.
 - ii) antara 500 hingga 1,000 patah perkataan untuk Kategori B.
- e) Format surat adalah surat TIDAK RASMI. Mulakan surat anda seperti berikut:
Kepada rakyat Malaysia yang dikasihi,
PENGALAMAN SAYA SEBAGAI PEJUANG KEMERDEKAAN DAN HARAPAN SAYA KEPADA RAKYAT MALAYSIA

.....
.....

2. KELAYAKAN PENYERTAAN

- a) Pertandingan menulis surat ini dibuka kepada para pelajar sekolah rendah **Tahun 1 hingga Tahun 6 (Kategori A)** dan menengah **Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 (Kategori B)** di seluruh Malaysia.
- b) Para pelajar yang ingin menyertai mestilah merupakan warganegara Malaysia.
- c) Para pelajar yang ingin menyertai juga dikehendaki membeli setem berharga RM0.80 dan sepucuk sampul surat kosong bersaiz A4 dan beralamat sendiri untuk pihak penganjur mengirinkan sijil penyertaan.

3. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- a) Hanya satu penyertaan sahaja dibenarkan bagi setiap peserta.
- b) Penyertaan mestilah sampai selewat-lewatnya pada 30 Jun 2011 kepada Sekretariat Pertandingan seperti yang dinyatakan di bawah.
- c) Surat yang ditulis mestilah mengikut tema yang ditetapkan di perenggan 1 (c).
- d) Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati surat yang dihantar bukan karya asli, maka penyertaan anda dibatalkan serta-merta.
- e) Surat mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia sahaja.
- f) Surat mestilah bertulis tangan, kemas, dan mudah dibaca. Tidak dibenarkan sama sekali menggunakan mesin taip atau komputer.
- g) Surat mestilah mengandungi sekurang-kurangnya 300-500 patah perkataan untuk Kategori A, manakala 500-1,000 untuk Kategori B.
- h) Surat dan borang penyertaan yang telah lengkap diisi dengan nama pelajar, alamat rumah pelajar, nombor telefon pelajar, nama sekolah, alamat sekolah, nama guru penyelarasan dan nombor telefon guru hendaklah diposkan secara individu. Borang penyertaan boleh didapati di laman web Pos Malaysia (www.pos.com.my).
- i) Penyertaan mestilah disahkan/dicop oleh pihak sekolah secara individu.

4. KRITERIA PENGHAKIMAN

Keseluruhan surat yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan berikut:

- a) Penggunaan Gaya Bahasa:
 - i) Tatabahasa = 20 markah
 - ii) Perbendaharaan Kata = 20 markah
 - iii) Struktur Ayat = 20 markah
- b) Kandungan:
 - i) Kejituan Fakta dan Penghuraian = 40 markah

Keseluruhan = 100 markah

5. SENARAI HADIAH PEMENANG

Seramai 3 pemenang akan dipilih bagi setiap kategori serta 10 pemenang saguhati.

	Kategori A – Sekolah Rendah/ Kategori B – Sekolah Menengah
Johan	Wang tunai berjumlah RM 3,000.00
	Buku setem
	Sijil penyertaan
Naib Johan	Wang tunai berjumlah RM 2,000.00
	Buku setem
	Sijil penyertaan
Tempat Ketiga	Wang tunai berjumlah RM 1,000.00
	Buku setem
	Sijil penyertaan
Saguhati x 10	Wang tunai berjumlah RM 200.00
	Buku setem
	Sijil penyertaan

6. Sila alamatkan penyertaan anda kepada:

Pertandingan Menulis Surat 1 Malaysia
P.O. Box 1000
50796 Kuala Lumpur

7. Untuk sebarang maklumat/pertanyaan, sila hubungi:

Sekretariat
Pertandingan Menulis Surat 1 Malaysia
Bahagian Komunikasi Korporat
Pos Malaysia Berhad
Tingkat 34, Menara Dayabumi
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-2267 2000/03-2267 2078
Faks : 03-2274 5951
Email : hafiz.kadir@pos.com.my / shazuin.shahri@cmc.gov.my

Anjuran bersama:

